

Siri Hadis an-Nabawi



Siri Hadis an-Nabawi

النبیان | 053
2024

Ikuti Ulama Bukan Juhala'

إِنَّ اللَّهَ لَا يُقْبِضُ الْعِلْمَ إِنْتَرَاعًا يَتَرَعَّهُ مِنَ النَّاسِ وَلَكِنْ يُقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ
حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَتَرَكْ عَالِمًا إِخْدَى النَّاسُ رُؤُوسًا جُهَّالًا فَسَيُلُّوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَصَلُّوا وَأَضَلُّوا

"Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan ilmu dengan cara mencabutnya secara langsung daripada hati umat manusia, tetapi Dia akan menghapuskan ilmu dengan cara mematikan ulama, sehingga tidak ada seorang alim pun yang akan tersisa. Kemudian, manusia akan mengangkat orang yang jahil sebagai pemimpin. Apabila para pemimpin ini diminta untuk berfatwa, maka mereka akan berfatwa tanpa berlandaskan ilmu sehingga mereka tersesat dan menyesatkan".

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2673)

<https://muttinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Ikuti Ulama Bukan Juhala'

Ilmu dan Ulama

Ilmu merupakan pengetahuan pada sesuatu perkara yang melalui proses dengan belajar dan membaca sama ada dalam ilmu dunia atau ukhrawi. Ilmu tidak akan dapat diperoleh tanpa melalui jalan berguru iaitu dengan bertalaqqi lebih-lebih lagi dalam ilmu agama. Mengambil suatu ilmu tanpa melalui guru iaitu hanya dengan membaca secara sendirian akan mendatangkan kepada kemudharatan kepada penuntut ilmu itu sendiri kerana boleh jadi salah faham akan maksud sesuatu ilmu yang dipelajari. Lebih-lebih lagi dalam ilmu agama, sekiranya salah faham kepada konteks ilmu tersebut melalui bacaan semata-mata boleh menjadi sesat dalam pemahaman bahkan boleh menyesatkan orang lain. Seperti berlaku dalam kalangan masyarakat sekarang yang mengambil jalan mudah hanya mencari ilmu semata-mata melalui carian internet kemudian mengeluarkan sesuatu hukum mengikut kefahamannya sendiri. Hal ini boleh mendatangkan kemudharatan manfaat ilmu itu sendiri dan meninggalkan kepentingan menuntut ilmu secara berguru. Hilanglah adab dan hormat kepada ulama sehingga merasa diri sudah mempunyai kelayakan untuk mengeluarkan hukum dan fatwa.

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Ulama itu pewaris nabi-nabi, sesungguhnya para anbiya’ tidak mewariskan dirham atau dinar, akan tetapi mewariskan ulama-ulama”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 2682)

Mengapa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menyebut bahawa ulama-ulama sebagai pewaris nabi? Sedia maklum bahawa ilmu itu sendiri mempunyai kemuliaan yang tinggi, oleh kerana itu, para nabi mewariskan kemuliaan ilmu kepada para ulama iaitu orang yang menyibukkan diri mereka dengan menjaga kemuliaan ilmu itu sendiri sebagaimana yang diajarkan oleh para nabi. Jelas diketahui bahawa tidak ada kedudukan yang lebih tinggi dan mulia berbanding kedudukan nabi-nabi. Begitu juga kedudukan para ulama, tiada yang lebih mulia lebih daripada mereka. Allah Subhanahu wata’ala berfirman:

“Sebenarnya, yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dalam kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu.”

(Surah Fatir 35:28)

Di sini dapat kita lihat kedudukan kemuliaan kepada para ulama yang berdisiplin dalam mewarisi pusaka para nabi iaitu ilmu, daripada penyelewengan atau pengkhianatan atas ilmu tersebut untuk disampaikan kepada umat Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam. Siapakah kita untuk tidak mengambil berat dalam menuntut ilmu dalam kalangan ulama sehingga kita mengatakan, “cukuplah membuat carian ilmu dalam internet dan siapakah kita pula yang berani untuk mencela ulama dengan ilmu yang kita dapati hanya melalui dalam media sosial dan sebagainya.

JABATAN MUFTI SARAWAK

Kewajipan untuk kita supaya mengelak atau menghindari ulama as-Su' (ulama jahat). Saidina Umar Radhiallahu 'anhу berkata: "Apa yang paling aku takuti bagi kamu adalah, seorang munafik yang alim dengan lidahnya (fasih berbicara tentang agama) dan orang yang fasik dan munafik ini boleh mendatangkan tentang al-Quran dan as-Sunnah. Maka ini akan menjadi musibah dan fitnah bagi orang Islam." Bertepatan juga dengan hadith Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud:

"perkara yang paling aku takut adalah setiap orang munafiq yang fasih lidahnya
(berbicara agama)"

(Hadith Riwayat Ahmad, no. 310)

"Perkara yang paling aku takut ke atas kamu ialah imam-imam yang sesat"

(Hadith Riwayat ad-Darimi, no. 230)

Kewajipan Menuntut Ilmu

Menuntut ilmu merupakan suatu kewajipan bagi setiap muslim dan tidak ada rukhsah (keringanan) untuk tidak mahu atau meninggalkan daripada menuntut ilmu sama sekali. Tidak sempurna Iman dan Islam seseorang muslim itu tanpa mengetahui ilmu-ilmu tentang beriman kepada Allah, Rasul-rasul, Malaikat-malaikat, hari Akhirat dan begitu juga berkaitan perbuatan-perbuatan yang telah diwajibkan oleh Allah Subhanahu wata'ala dalam perkara-perkara wajib serta kewajipan meninggalkan perkara-perkara yang telah diharamkan.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

"Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap muslim"

JABATAN MUFTI SARAWAK

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no. 224)

Tuntutan menuntut ilmu mengenai Islam, Iman dan Ihsan telah dinyatakan di dalam sebuah hadis iaitu Malaikat Jibril 'alaihi salam datang berjumpa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ketika Baginda duduk bersama para sahabat Radhiallahu 'anhу:

Malaikat Jibril berkata: "Khabarkan kepadaku tentang Islam". Baginda menjawab: "Engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu adalah persuruh Allah, mendirikan solat, memberi zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan meunaikan haji sekiranya engkau mampu" ... Kemudian dia berkata lagi: "Khabarkan

kepadaku tentang Iman”: Baginda menjawab: “*Engkau beriman kepada Allah, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, Hari Akhirat dan Qadar (ketetapan Allah) sama ada baik ataupun buruk*”... Kemudian dia bertanya lagi: “*Khabarkan kepadaku tentang Ihsan.*” Baginda menjawab: “*Ihsan itu ialah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan kamu melihat Allah, sekiranya engkau tidak mampu seakan-akan melihat Allah, sesungguhnya Allah melihat kamu.*’...”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 8)

Maka jelaslah kewajipan bagi setiap muslim itu untuk menuntut ilmu agama sama ada berkaitan Aqidah, Fiqh dan Tasawwuf. **Sheikh Ahmad Zarruq** mendefinisikan Tasawwuf sebagai: “*Ilmu yang bertujuan untuk membaiki hati dan memfokuskan hanya untuk Allah semata-mata. Fiqh adalah ilmu yang bertujuan memperbaiki amal, memelihara aturan dan menampakkan hikmah dari setiap hukum. Sedangkan ilmu tauhid adalah ilmu yang bertujuan mewujudkan dalil-dalil dan menghiasai iman dengan keyakinan*”.

Kelebihan Ilmu

Kelebihan ilmu telah tsabit (tetap) dan termaktub di dalam al-Quran dan Hadith Sallallahu ‘alaihi wasallam. Firman Allah Subhanahu wata’ala:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu (dalam kalangan kamu) beberapa darjat.

(Surah al-Mujadalah 58:11)

Saidina Abdullah bin Abbas Radhiallahu ‘anhuma berkata, “*darjat ulama itu tujuh ratus darjat berbanding darjat orang mukmin. Satu darjat ke satu darjat lebih kurang perjalanan lima ratus tahun.*”

Allah Subhanahu wata’ala berfirman:

قُلْ هُلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَدَّرَّجُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Katakanlah (kepadanya), “*Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?*” Sesungguhnya hanya orang yang berakal sempurna yang dapat menerima pengajaran dan peringatan.

(Surah az-Zumar 39:9)

Kelebihan Menuntut Ilmu

Imam ‘Atha Radhiallahu ‘anhu berkata, perhimpunan orang yang duduk belajar ilmu itu menghapuskan tujuh puluh perhimpunan (majlis) orang yang duduk di tempat yang lalai. Oleh itu kita sebagai hamba Allah Subhanahu wata’ala seharusnya mengutamakan dan melazimkan diri untuk sentiasa hadir dan berkumpul di dalam majlis ilmu, supaya kejahilan yang ada pada diri kita semakin memadam. Saidina Umar Radhiallahu ‘anhu berkata: Mati seribu orang ‘abid yang mendirikan ibadat semalam-malam dan berpuasa sehari-hari itu lebih mudah daipada mati seseorang alim yang mengetahui perkara yang dihalalkan dan diharamkan oleh Allah Subhanahu wata’ala.

Allah Subhanahu wata’ala. berfirman:

فَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَالِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الْدِينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Maksudnya: “Oleh itu, hendaklah sebahagian sahaja daripada mereka keluar (berperang) supaya mereka (yang tinggal) itu memperdalam ilmu pengetahuan tentang agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila mereka itu pulang. Mudah-mudahan, mereka itu dapat menjaga diri mereka (daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah.)”

(Surah at-Taubah 9:122)

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Siapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah memudahkan jalan baginya ke syurga”.

(Hadith Riwayat at-Tirmizi, no. 2646)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Disini dapat kita perhatikan bahawa kelebihan menuntut ilmu itu banyak. Bahkan tidaklah menjadi sia-sia kepada sesiapa yang mengambil berat dalam menuntut ilmu. Ilmu menjadi panduan kepada seseorang dalam menjalani kehidupannya dimuka bumi Allah ini supaya sentiasa dalam keadaan diredhai Allah Subhanahu wata’ala.

Kesan Buruk Jahil Dalam Kefardhuan dan Hukum-Hakam

1. Mendapat kemurkaan daripada Allah disebabkan jahil dalam hal berkaitan kefardhuan lebih-lebih lagi mana yang halal dan mana yang haram.
2. Sentiasa terjerumus dalam lembah kebinasaan dalam apa juga keadaan.
3. Berkemungkinan akan menganggap sebahagian daripada perkara yang wajib daripada perkara yang haram atau bukan wajib, begitu juga sebaliknya.
4. Boleh terjerumus dalam perkara-perkara yang menyerupai kepada kekufuran.

Di sini dapat kita melihat bahawa kejahilan merupakan asas kepada kejahatan dan keburukan serta musibah di dunia mau pun akhirat. Masyarakat yang jahil akan melahirkan generasi yang tidak maju serta boleh mendatangkan kerosakan di dunia. Oleh itu, sebagai hamba Allah Subhanahu wata'ala yang beriman, maka wajib bagi kita untuk menuntut ilmu dengan kadar kemampuan kita sekurang-kurangnya mengenal dan mengetahui ilmu asas fardhu 'ain dalam ilmu fiqh, akidah dan tasawwuf dengan dalil ijimali.

Kesimpulan dari perkongsian ini, dapatlah kita memahami bahawa kepentingan menuntut ilmu itu sangat perlu diambil berat kerana ia dapat mengangkat kejahilan kita dan kita tidak akan diperbodohkan khususnya dalam ilmu agama. Dengan ilmu ini dapat dipastikan keabsahan ibadah kita yang bersumberkan daripada al-Quran dan as-Sunnah melalui jalan ulama' yang bijaksana dan mempunyai keahlian dalam memahami dalil-dalil daripada kedua-dua sumber tersebut. Selain itu juga, kita sebagai hamba Allah Subhanahu wata'ala dan umat Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam perlu menghormati ulama'. Seandainya tidak sependapat sekalipun, mintalah penjelasan dengan baik atau tinggalkan tanpa mencela mereka. Ingatlah, sifat tidak menghormati sesama makhluk adalah kesombongan dan takabbur iaitu terbitan daripada syaitan yang ingin menghancurkan umat Islam dengan melaga-lagakan mereka. Akhir kata, tuntutlah ilmu hingga hujung ke usia, dan hormatilah ulama' kerana mereka pewaris nabi-nabi serta hindari daripada golongan juhala' (orang-orang jahil). Wallahu 'alam.



جَابَاتُنْ مُفْتِي سَارَاوَك

JABATAN MUFTI SARAWAK